

**OPERASI PENGUATKUASAAN SMART NEGERI PERAK BIL. 1/2023**  
**JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**

Disediakan oleh : Muammar Qayyum bin Muhamad Suhaimi  
Seksyen Penguatkuasaan Hutan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan

**IPOH, 28 OGOS 2023**

Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) meneruskan aktiviti Pemantauan Rondaan dan Penguatkuasaan berasaskan SMART Patrol bagi mengukuhkan pemantauan, perisikan, siasatan dan pendakwaan yang melibatkan lima Daerah Hutan iaitu Daerah Hutan Hulu Perak, Kuala Kangsar, Kinta / Manjung, Perak Selatan dan Larut & Matang pada 22 hingga 28 Ogos 2023 bertempat di Dewan Rimbawan Pejabat Perhutanan Negeri. Taklimat Penguatkuasaan SMART Negeri Perak Bil. 1/2023 ini disertai oleh semua Pegawai Hutan Daerah dan juga pasukan penguatkuasaan di Pejabat Hutan Daerah. Operasi Penguatkuasaan SMART Negeri Perak Bil. 1/2023 ini di seliakan oleh Seksyen Penguatkuasaan Hutan Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan juga perunding yang telah dilantik.

Untuk makluman, operasi Penguatkuasaan SMART Patrol kali ini bertujuan untuk menguji penggunaan Data Model SMART yang baharu yang telah diperkemaskini selari dengan keperluan Jabatan. Antara objektif Operasi adalah untuk mempraktikkan penggunaan sistem *Spatial Monitoring and Reporting Tool* atau SMART dalam operasi ini yang telah dikemaskini dan mendapatkan maklumbalas penggunaan sistem SMART daripada pegawai lapangan. Satu pasukan Elite Team SMART Patrol Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah diwujudkan dengan peranan seperti sebagai Pegawai Rujuk mengenai sistem SMART di Daerah/ Seksyen masing-masing, menyelaras pengendalian sistem SMART bagi kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan di dalam Hutan Simpanan Kekal Negeri Perak, menyelaras pengemaskinian maklumat-maklumat yang telah dibangunkan, membuat semakan pada laporan-laporan yang diterima, membuat semakan pada laporan-laporan yang diterima dan menyerahkan laporan kepada PHD/ Ketua Seksyen. Keanggotaan pasukan Elite Team ini adalah daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan Seksyen

Penguatkuasaan Hutan, Penolong Pegawai Hutan Daerah dan Kakitangan di lapangan.

Antara penemuan yang ditemui semasa Operasi dilaksanakan di lapangan adalah terdapat jentera yang tidak di daftarkan, peralatan bahaya tidak ditempatkan di stor dan dilabelkan sebagai bahaya dan kesalahan di dalam kawasan usahasil.

Operasi berakhir dengan penyediaan laporan Operasi bersama perunding yang dilantik dan pembentangan laporan Operasi SMART Bil 1/2023 pada 6 September 2023.





**Gambar 1, 2, 3, 4 dan 5** : Antara aktiviti yang dilakukan di lapangan semasa Operasi Penguatkuasaan SMART Negeri Perak Bil. 1/2023



**Gambar 6, 7, 8, dan 9 : Taklimat dan perbincangan semasa Operasi Penguatkuasaan SMART Negeri Perak Bil. 1/2023**